

**PENGUKUHAN SISTEM MONARKI DI BRUNEI,  
1946-1986**

**MUHAMMAD BIN HAJI AWG. DAMIT**

**JABATAN SEJARAH  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA.**

**1997**

Perpustakaan Universiti Malaya



A507732154

OK

Dinilai/mikrofikasi pada ..... 29-10-98  
No. Mikrofikasi ..... 13805  
Jumlah Mikrofis ..... 5  
HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHRA  
UPR UNIT REPROGRAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA

**PENGUKUHAN SISTEM MONARKI DI BRUNEI,  
1946-1986**

**OLEH  
MUHAMMAD BIN HAJI AWG. DAMIT**

**TESIS INI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA  
SASTERA  
JABATAN SEJARAH,  
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
TAHUN 1997**

## **KANDUNGAN**

Kandungan	i
Abstrak	vi
Abstract	xi
Penghargaan	xv
Jadual-Jadual	xvi
Peta Negeri Brunei	xvii
Kependekan Kata	xx
Pendahuluan	xxi

### **BAB 1 KE ARAH MENAMATKAN SISTEM RESIDEN 1946-1957**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Brunei Di Bawah Pentadbiran Residen	2
1.3	Brunei Selepas Perang Dunia Kedua	4
1.3.1	Pentadbiran Tentera British (BMA)	4
1.3.2	Pemerintahan Pentadbiran Awam	7
1.4	Rancangan-Rancangan British Ke Atas Brunei	10
1.4.1	Percantuman Pentadbiran Brunei Dengan Sarawak	10
1.4.2	Persekutuan Borneo Utara	17
1.5	Perkembangan Ekonomi	33
1.5.1	Penemuan Telaga Minyak	35

1.5.2	Pengagihan Kekayaan Negeri	37
1.6	Kemunculan Tokoh-Tokoh Berwibawa	39
1.6.1	Sultan Ahmad Tajuddin	39
1.6.2	Sultan Omar Ali Saifuddien III	41
1.6.2.1	Rancangan Lima tahun Pertama 1953-1958	46
1.6.2.2	Rancangan Kemajuan Pendidikan	49
1.6.2.3	Rancangan Pengubalan Perlembagaan Bertulis	52
1.7	Berakhirnya Sistem Residen	53

## **BAB 2 PERUBAHAN-PERUBAHAN PERLEMBAGAAN, 1950-1959**

2.1	Pengenalan	55
2.2	Perlembagaan dan Demokrasi	56
2.2.1	Langkah Ke Arah Demokrasi	61
2.2.2	Bentuk Perlembagaan	68
2.3	Parti Rakyat Brunei dan Demokrasi	74
2.4	Perundingan Antara British dan Sultan Brunei	91
2.5	Perjanjian 1959 dan Perlembagaan 1959	108

**BAB 3 MENGATASI CABARAN DALAMAN, 1959-1962**

3.1	Pengenalan	119
3.2	Perlembagaan 1959 dan Kesannya Ke Atas Pentadbiran dan Politik	120
3.2.1	Pentadbiran dan Birokrasi	121
3.2.2	Perubahan Politik	127
3.3	Isu Malaysia dan Pemberontakan 1962	134
3.3.1	Pemberontakan 1962 dan Implikasinya	142
3.3.2	Demokrasi Moden	142
3.3.3	Negara Kesatuan Kalimantan Utara (NKKU)	145
3.3.4	Gagasan Malaysia	148
3.4	Pemberontakan 1962 Dan Peranan British	151
3.4.1	Sokongan Dari Filipina	159
3.4.2	Sokongan Dari Indonesia	162
3.4.3	Bantuan Persekutuan Tanah Melayu	165

**BAB 4 MENGATASI DESAKAN BRITISH DAN PENYERAHAN KUASA, 1963-1967**

4.1	Pengenalan	168
4.2	Persekutuan Malaysia dan Penarikan Brunei	169
4.2.1	Perundingan Di London dan Kegagalan Brunei Menyertai Malaysia	179
4.3	Hubungan Brunei Dengan Malaysia	184
4.3.1	Tuntutan Brunei Ke Atas Limbang	187
4.4	Perubahan Perlembagaan dan Pilihan Raya	194

**BAB 5****KE ARAH KEMERDEKAAN, 1967-1984**

5.1	Pengenalan	210
5.2	Brunei Di Bawah Pemerintahan Sultan Hassanal Bolkiah	211
5.3	Sultan Hassanal Bolkiah dan Kerajaan British	213
5.3.1	Hubungan Brunei-British dan Perjanjian 1971	221
5.3.2	Hubungan Brunei-British dan Perjanjian 1979	232
5.4	Pengisytiharan Kemerdekaan	242
5.5	Perkembangan Pentadbiran Brunei 1971-1984	243
5.6	Memodenkan Sistem Politik Tradisi	249
5.7	Kuasa Mutlak dan Kuasa Perlembagaan	250

**BAB 6****KEMERDEKAAN DAN PEMBINAAN NEGARA,  
1984-1986**

6.1	Pengenalan	252
6.2	Brunei Sebagai Negara Melayu Beraja Yang Moden	253
6.2.1	Kesultanan Melayu Moden	256
6.2.2	Sistem Berkementerian	261
6.3	Langkah Mengukuhkan Negara	267
6.3.1	Kestabilan Politik	271
6.3.2	Pembangunan	275
6.3.3	Pendidikan	278
6.3.4	Falsafah Melayu Islam Beraja	282

6.4	Dasar Luar Brunei	283
6.4.1	Brunei dan ASEAN	285
6.4.2	Brunei Memasuki ASEAN	288
6.5	Cabaran-Cabaran	289
Kesimpulan		296
Lampiran		305
Bibliografi		352

## **ABSTRAK**

Kajian ini cuba menyingkap kembali cabaran-cabaran yang dilalui oleh Brunei dalam perjuangannya mempertahankan sistem monarki sehingga diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa setelah mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari 1984. Sebelum ini, Kerajaan British mahukan Brunei mengubah sistem politiknya kepada sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Sistem yang berlandaskan kepada kuasa rakyat sebelum kemerdekaan diberikan. British terus mendesak Brunei kerana tidak yakin dengan sistem monarki boleh membentuk sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Semantara itu, Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddien III mempunyai cara tersendiri untuk menentukan haluan politik Brunei iaitu untuk melanjutkan dan mengukuhkan semula sistem pemerintahan monarki. Rancangan British mendapat sambutan Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M. Azahari dan memaksa sultan untuk melaksanakannya. Sultan Omar Ali Saifuddien III enggan menerima desakan ini kerana baginda tidak yakin dengan sistem demokrasi dan berusaha untuk membuktikan sistem monarki boleh menjadi sistem yang lebih baik untuk rakyat Brunei.

Keengganan Brunei melaksanakan desakan ini menyebabkan Brunei terus menerima desakan dari tiga penjuru iaitu British, Parti Rakyat Brunei dan masyarakat antarabangsa. Akibatnya Parti Rakyat Brunei melancarkan pemberontakan pada Disember 1962 tetapi dapat digagalkan, akhirnya parti ini telah diharamkan. Pengharaman ini menyebabkan sistem monarki semakin kukuh. British sekali lagi mendesak Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mengenalkan dan mengukuhkan

sistem demokrasi. Baginda terus menolak. Baginda kemudiannya turun takhta pada Oktober 1967 untuk memaksa British mengubah dasar sekali gus melambatkan proses kemerdekaan. Perjuangan ini disambung oleh pewaris baginda, Sultan Hassanal Bolkiah. Baginda terus mengadakan dan melanjutkan pergantungan dengan British. Dasar ini menyebabkan baginda menerima kecaman dan tekanan dari dalam dan luar negeri. Dalam menghadapi tekanan ini, baginda mula menggunakan kuasa ekonomi dan diplomasi untuk mempengaruhi keputusan British dan masyarakat antarabangsa. Akhirnya Brunei berjaya mencapai kemerdekaan dengan merealisasikan sistem pemerintahan monarki. Kejayaan ini berpunca dari kekuatan dan ketahanan serta kewibawaan dua tokoh penting negara iaitu Sultan Omar Ali Saifuddien III dan Sultan Hassanal Bolkiah. Kewibawaan inilah yang menjadikan sistem monarki dapat dikukuhkan semula dan telah diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Bagi menjelaskan secara lebih terperinci mengenai persoalan ini, tesis ini akan dibahagikan kepada enam bab. Setiap bab mempunyai perkaitan di antara satu dengan lain. Dengan pembahagian ini urutan peristiwa-peristiwa dan persoalan akan lebih mudah difahami. Bab pertama, akan membincangkan sikap yang ditunjukkan oleh British ke atas rakyat Brunei telah menyemai dan membuatkan perasaan ingin melepaskan diri dari belenggu penjajahan dan langkah yang diambil oleh Brunei apabila British mahu memberi kemerdekaan kepada Brunei. Bab ini juga akan menyentuh rancangan golongan elit Melayu dan pembesar-pembesar tradisional yang diketuai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mengambil alih semula kuasa.

Bab kedua, akan menyentuh langkah diplomasi yang dilakukan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dan para pengikut baginda untuk mengambil alih semula

kuasa melalui sebuah perlumbaan bertulis untuk memaksa British menyerahkan kuasa kepada sultan. Dengan cara ini sistem monarki dapat dikukuhkan. Sistem ini tidak disetujui oleh British. Mereka mahu supaya kuasa juga perlu diberikan kepada rakyat untuk mengimbangi kuasa sultan melalui sebuah pemerintahan demokrasi berparlimen. Rakyat Brunei menerusi Parti Rakyat Brunei juga mahukan kuasa yang akhirnya menimbulkan konflik dalaman.

Bab ketiga, akan dibincangkan desakan-desakan dalaman yang dihadapi oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk mempertahankan sistem monarki apabila Parti Rakyat Brunei mendesak sultan Brunei menyerahkan kuasa kepada rakyat. Parti Rakyat Brunei juga menuntut supaya sistem demokrasi diperkenalkan. Sultan Omar Ali Saifuddien III enggan menurut kehendak Parti Rakyat Brunei tetapi berjanji akan memberi sedikit kuasa. Kegagalan ini telah mendorong Parti Rakyat Brunei untuk menggunakan kekerasan menerusi pemberontakan pada Disember 1962 tetapi gagal akhirnya Parti Rakyat Brunei diharamkan.

Bab keempat, akan menyentuh mengenai desakan dan ancaman British di atas keengganan Sultan Omar Ali Saifuddien III mengenalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. British mula mengancam untuk menarik diri dari Brunei dan mencadangkan Brunei supaya memasuki Persekutuan Malaysia. Sultan Omar Ali Saifuddien III menolak rancangan tersebut kerana baginda tahu rancangan British ini akan menjaskan kedudukan dan kuasa baginda. Untuk menghadapi ancaman British dan menyelamatkan kedudukan monarki, Sultan Omar Ali Saifuddien III turun takhta dan mengangkat putera baginda Sultan Hassanal Bolkiah menjadi sultan.

Baginda memberi alasan sultan yang baru perlu mendapat bimbingan dan perlindungan.

Bab kelima, tumpuan kajian dalam bab ini untuk menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Sultan Hassanal Bolkiah meneruskan usaha ayahanda baginda mengukuhkan sistem monarki sebagai sebuah sistem politik yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Baginda telah menggunakan kekayaan sebagai alat untuk mengekalkan kestabilan dan kesejahteraan rakyat. Baginda terus memberi keutamaan pembangunan rakyat dalam meningkatkan populariti baginda sebagai seorang pemimpin yang prihatin dan berwibawa. Baginda juga menggunakan langkah-langkah diplomasi untuk berbaik-baik dengan negara jirannya. Keupayaan baginda untuk terus mengekalkan kestabilan politik ini menyebabkan British percaya dan telah bersedia untuk memberi kemerdekaan. Sultan Hassanal Bolkiah juga bersedia untuk menerima kemerdekaan itu kerana kedudukan baginda sudah kukuh dan keselamatan serta keamanan terjamin. Dengan kekayaan yang ada Brunei boleh berdiri di atas kaki sendiri. Keupayaan dan kewibawaan baginda memberikan keutamaan terhadap pembangunan dalam negeri serta meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat dapat menawan rakyat Brunei dan mengurangkan desakan British serta masyarakat antarabangsa. Selain itu juga baginda juga berjaya menjadikan Brunei sebagai “negara kebajikan” dan memberi keyakinan kepada British untuk menyerahkan kuasa tanpa demokrasi berparlimen sekali gus mengakui Brunei sebagai sistem pemerintahan monarki.

Bab keenam pula akan menjelaskan langkah-langkah yang dilakukan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dalam mengukuhkan sistem monarki yang diterima oleh

masyarakat antarabangsa serta menganalisa alat-alat yang digunakan oleh Sultan Hassanal Bolkiah untuk mengukuhkan sistem ini. Bab ini juga akan mengkaji langkah yang diambil untuk menghadapi cabaran masa depan sebagai sebuah negara **Melayu Islam Beraja**.

## **ABSTRACT**

This thesis attempts to trace back the challenges Brunei had gone through in its endeavours to retain its monarchical system of government until it was recognised by the international community when it achieved its independence on January 1 1984. Hitherto, the British Government proposed Brunei to change its political system to parliamentary democracy. The British were not confident that the monarchy could form a responsible government in Brunei. The British proposal was supported by the Parti Rakyat Brunei which was led by A.M. Azahari and the party put pressure on the Sultan to adopt it. However, Sultan Omar Ali Saifuddien III had his own ways to direct the political future of his Sultanate, which was to retain and strengthen the monarchical system. He believed that parliamentary democracy was not suitable for Brunei and tried to prove that monarchy was still relevant and the best for his people.

The refusal of Brunei to introduce the political reforms resulted in a rebellion in December 1962 launched by the Party Rakyat Brunei. The bloody rebellion failed to achieve its objectives; it resulted in the strengthening of the monarchy when the party was banned. The British who helped to suppress the rebellion continued to pressure Sultan Omar Ali Saifuddien III to adopt political reforms but he refused. In order to ease the tension between him and the British Government he voluntarily stepped down in August 1967 and put his teenage son on the throne. This had forced the British to change their policies which enabled Brunei to continue to maintain close relations with Britain. He used economy (oil) and diplomacy skillfully to influence Britain and the international

community. At the end Brunei succeeded in realising the monarchical system in Brunei when it achieved its independence. No doubt that Brunei's success in defying the British and international pressures for political reforms were attributed to the two great national figures, Sultan Omar Ali Saifuddien III and Sultan Hassanal Bolkiah. Their authority and influence led to the entrenchment and recognition by the international community of the monarchy in Brunei.

This thesis is divided into six chapters. Chapter one discusses the British attitude on the people of Brunei which brought about the feelings to free themselves from colonialism and steps taken by Brunei when the British wanted to give its independence. It also discusses plans by the Malay elite and nobles who were led by Sultan Omar Ali Saifuddien III to regain power from the British.

Chapter two analyses diplomatic steps taken by Sultan Omar Ali Saifuddien III and his advisers to regain power through a written constitution and to force the British to hand over power to the Sultan. This would entrench the monarchy. The British would like to see power also be given to the people to balance the Sultan's power through a parliamentary democracy. The Parti Rakyat Brunei also wanted to share some power which at the end resulted in an internal conflict.

Chapter three examines internal pressures faced by Sultan Omar Ali Saifuddien III to retain the monarchy particularly from the Parti Rakyat Brunei. The latter put pressure on the Sultan to hand over the power to the people by adapting the democracy. Although

he promised to introduce some reforms he refused to entertain the demands of the Parti Rakyat Brunei. Consequently, the Parti Rakyat Brunei launched a rebellion in December 1962 which ended with the banning of the party.

Chapter four discusses the pressure from the British on Sultan Omar Ali Saifuddien III to bring about democracy in Brunei. The British threatened to pull out from Brunei and wished to force the Sultanate to join the Federation of Malaysia. Sultan Omar Ali Saifuddien III refused to join the federation because he feared that it would affect his position and power. As a response to the British threats he suddenly stepped down and put his teenage son, Hassanal Bolkiah, on the throne. As a young Sultan needed guidance and protection the British had no choice but remained in Brunei.

Chapter five examines the steps taken by Sultan Hassanal Bolkiah to continue his father's effort to strengthen the monarchy and get recognition from the international community. He used the wealth from oil as a means to bring stability and well being of the people. He gave priority to development for the people to increase his popularity and influence. He also used his diplomacy skillfully by attending good relations with neighboring countries. His ability to bring political stability in Brunei made the British to have full confidence in him and ready to give independence in January 1984. The Sultan agreed to take over the full responsibility of his kingdom because by then his position had been established and saved. The wealth from the oil made Brunei able to stand on its own feet. The Sultan used the wealth for the well being of his people by establishing a welfare system in the state. The British had full confidence to give back full power to Brunei

even without first establishment of parliamentary democracy and thus accepted monarchy.

Finally, chapter six explains steps taken by Sultan Hassanal Bolkiah to strengthen monarchy and get recognition from the international communities. This chapter also examines challenges Brunei faces as a Malay Islamic Monarchy.

## **PENGHARGAAN**

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t., selawat dan salam kepada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda.

Syukur kehadrat Allah s.w.t. yang telah memberikan kekuatan dan semangat kepada saya serta memperkenankan keberhasilan tesis sarjana ini. Melalui kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi rasa terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kerana telah memperkenankan kursus Latihan Dalam Perkhidmatan ini bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana. Tesis sarjana ini tidak akan berhasil tanpa bantuan, teguran dan bimbingan dari beberapa pihak semasa penulis menjalankan kajian, menulis dan seterusnya terhasilnya tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ingin penulis tujukan kepada Professor Madya Dr Ranjit Singh, selaku penyelia utama tesis ini. Teguran, nasihat, tunjuk ajar, bimbingan serta kesungguhan beliau membimbing penulis menyiapkan tesis ini amat dihargai dan tidak akan dilupa hingga ke akhir hayat. Tanpa bantuan dan dorongan daripada beliau, penulis tentu merasa kesukaran dalam mempersiap penulisan tesis ini.

Penulis juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua tenaga pengajar di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, terutama sekali Professor Datuk Dr. Mohd Yusof Hashim, Dr. Adnan Haji Nawang, Dr. Abdullah Zakaria Ghazali. Pada

mereka ini selain memberikan sokongan moral juga memberikan ide-ide yang berguna dalam merancang rangka tesis ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Pengarah Akademi Pengajian Brunei, Tuan Haji Abd Latif Haji Ibrahim, Ketua Jabatan Sejarah di Universiti Brunei Darussalam, Dr Iik Ariffin Mansurnoor, pihak perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Pusat Sejarah Brunei yang banyak membantu dan memberikan kemudahan sepanjang penulisan tesis ini diadakan.

Tidak lupa juga terima kasih ditujukan kepada teman-teman seperjuangan yang tidak sempat disebutkan namanya. Gurau senda serta pergaulan penulis dengan mereka ini sedikit sebanyak memberikan pengertian erti sebuah persahabatan. Didoakan semoga berjaya dalam semua aspek kehidupan, Amin dan Insya Allah.

Terakhir, tesis ini tidak akan lengkap jika tiada pengorbanan serta kesabaran seorang isteri yang dicintai, Dyg Halimah Bt Haji Mohd Farid dan anak-anak semua yang masih mentah untuk mengenal erti sebuah pengorbanan. “Kasih sayang tidak dapat dijual beli”.

Muhammad Haji Awang Damit  
Lembah Pantai, April 1997.


## **JADUAL-JADUAL**

Jadual I	Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Brunei Hasil Dari Pengeluaran Minyak 1940-1949.	9
Jadual II	Jumlah Pendapatan Brunei, Borneo Utara dan Sarawak 1947-1958.	29
Jadual III	Pendapatan Dan Perbelanjaan Kerajaan	34
Jadual IV	Jumlah Pendapatan Hasil Minyak	36
Jadual V	Pendapatan, Perbelanjaan dan Lebihan Brunei 1949-1954.	37
Jadual VI	Komposisi Keahlian Majlis-Majlis Penasihat Daerah.	62
Jadual VII	Menteri-Menteri Kabinet Pertama 1984-1986	263
Jadual VIII	Menteri-Menteri Kabinet Kedua 1986	266
Jadual IX	Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke Lima	276

## **SENARAI PETA-PETA NEGERI BRUNEI**


1.	Negara Brunei Darussalam dan Asia Tenggara	xvii
2.	Negara Brunei Darussalam dan Borneo	xviii
3.	Negara Brunei Darussalam	xix

## PETA NEGERI BRUNEI DAN ASIA TENGGARA




Sumber: Sumbangsih UBD, Terbitan Akademi Pengajian Brunei,  
Universiti Brunei Darussalam.

## PETA NEGERI BRUNEI DAN MALAYSIA TIMUR (SABAH DAN SARAWAK)



Sumber: Ranjit Singh, D.S., Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival

## PETA NEGERI BRUNEI



Sumber: Jatwan S. Sidhu, Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959.

## **KEPENDEKAN KATA**

APB	Angkatan Pemuda Brunei
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BAKER	Barisan Kemerdekaan Rakyat
BAP	Brunei Alliance Party
BAR	Brunei Annual Report
BARIP	Barisan Pemuda Brunei
BMA	British Military Administration
BMJ	Brunei Museum Journal
MBPC	British Malayan Petroleum Company
BNDP	Brunei National Democratic Party
BNO	Brunei National Organization
BPA	Brunei People's Alliance
BRO	Brunei Resident's Office
BRUFICO	Brunei Film Company
BUP	Brunei United Party
BPFSP	Brunei People's Freedom Struggle Party
CO	Colonial Office
JMBRAS	Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
JSBRAS	Journal of The Straits Branch of the Royal Asiatic Society
KMM	Kesatuan Melayu Muda
MIB	Melayu Islam Beraja
MSCC	Malaysian Solidarity Consultative Committee
MUTU	Persekutuan Murid Tua
NKKU	Negara Kesatuan Kalimantan Utara
PAKAR	Parti Kemajuan Rakyat
PGGMB	Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei
PKI	Parti Komunis Indonesia
PRB	Parti Raayat Brunei
TNKU	Tentera Nasional Kalimantan Utara

## **PENDAHULUAN**

Negara Brunei Darussalam telah berjaya meneruskan “*survival*” politiknya sebagai sebuah monarki yang merdeka pada 1 Januari 1984 setelah berada hampir sembilan puluh lima tahun di bawah perlindungan British. Perjuangan untuk mempertahankan identitinya sebagai sebuah kesultanan yang merdeka dan kukuh telah melalui proses sejarah yang agak panjang dan warna warni. Kejayaan Brunei hari ini sebagai sebuah monarki yang merdeka dan berdaulat merupakan satu kejayaan yang boleh dibanggakan kerana semasa Brunei berada di bawah naungan British, pihak tersebut telah cuba mendesak supaya Brunei memperkenalkan sistem demokrasi berparlimen. Sultan Omar Ali Saifuddien III dan Sultan Hassanal Bolkiah terus menghalang usaha British ini dan akhirnya baginda berdua berjaya menggagalkan rancangan tersebut. Pihak British terpaksa tunduk dan menghormati perjuangan sultan Brunei menjadikan sistem monarki sebagai asas kepada sistem politik Brunei apabila Brunei diberikan kemerdekaan pada 1984.

Kejayaan Brunei meneruskan politi tradisional sebagai sebuah monarki hasil kebijaksanaan pemimpin-pemimpin memelihara kedaulatan dan kewibawaan politik kesultannya yang sentiasa mencari jalan untuk menjamin agar kedaulatan politiknya terus kekal disebalik berbagai cabaran dan ancaman. Kajian ini cuba menggalur dan menganalisa proses sejarah yang dilalui oleh Brunei selepas Perang Dunia Kedua

sehingga kemerdekaannya pada 1984. Fokus utama kajian ini ialah melihat bagaimana Brunei berjaya mempertahankan identiti, kedaulatan dan maruah bangsa dan negara Brunei sebagai sebuah politi kesultanan yang diiktiraf oleh antarabangsa.

Kajian ini menumpukan fokus bagaimana Brunei berjaya mempertahankan sistem pemerintahan monarki. Beberapa perkara pokok juga akan diambil perhatian dalam kajian ini iaitu; bagaimana langkah-langkah dibuat untuk mengembalikan semula kuasa dari tangan British, perubahan-perubahan yang berlaku semasa pemindahan kuasa, proses ke arah berkerajaan sendiri dan bentuk kerajaan, masalah-masalah dalaman serta pendirian terhadap konflik serantau dan antarabangsa.

Antara isu-isu tersebut; pertama, perkara-perkara pokok yang mendorong Sultan Omar Ali Saifuddien III (1950-1967) untuk menamatkan sistem Residen yang telah diperkenalkan oleh British sejak 1906 melalui sebuah Perlembagaan 1959 dan dasar-dasar pemodenan, perubahan-perubahan ke atas sistem politik dan kerajaan yang menyentuh mengenai sistem birokrasi yang dikenalkan dan permasalahannya.

Kedua, bagaimana perubahan sistem politik dan perlembagaan yang dianjurkan telah membawa kepada pergolakan dalaman Brunei sendiri yang ditimbulkan oleh parti-parti politik Brunei akibat aliran yang berbeza. Mengapa pemimpin-pemimpin Parti Rakyat Brunei sebagai sebuah parti politik yang berpengaruh tidak diajak berunding bagi pengubalan perlembagaan dan kenapakah parti tersebut tidak diberi kepercayaan untuk menerajui kerajaan setelah memenangi pilihan raya pada Ogos 1962.

Perkara ketiga, yang disentuh bagaimana perkembangan dan perlaksanaan sistem pendidikan dalam usaha mengisi kekosongan semasa pemindahan kuasa.

Bagaimana pula pendidikan yang diterima di kalangan golongan elit yang menerajui kerajaan dan sejauhmana sistem tersebut dapat melahirkan golongan baru bagi memenuhi keperluan pentadbiran.

Seterusnya, akan diambil kira dalam kajian ini bagaimana Brunei membuat perancangan terhadap ekonominya sehingga dikenali sebagai ‘negara kebajikan’ serta sejauhmana ianya dapat menyokong sistem politik di Brunei. Perkara kelima, sejauhmana penglibatan British terhadap perubahan-perubahan yang cuba dicapai. Apakah yang mendorong Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk menyerahkan kuasa 1967, serta bagaimana Brunei menempatkan diri dalam menghadapi masalah-masalah politik serantau. Dan, bagaimana kemerdekaan Brunei dicapai dan apakah perubahan yang dibuat ke atas sistem politik, ekonomi, sosial dan pembangunan dalam menghadapi masa akan datang yang lebih mencabar.

Kajian ke atas perkembangan politik dan pentadbiran Brunei selepas perang Dunia Kedua didorongi oleh beberapa perkara. Pertama, kebanyakan kajian hanya dibuat secara umum dengan menggunakan sumber-sumber luar yang dicatat dan ditulis oleh orang-orang luar. Setentunya kurang jelas dan banyak menimbulkan percanggahan tafsiran. Ini, disebabkan oleh orientasi yang berbeza. Pengkaji-pengkaji ini tidak dapat melihat secara lebih dekat mengenai dengan keadaan dalam Brunei sendiri. Ini menunjukkan belum ada satu kajian yang khusus secara mendalam dibuat mengenai sejarah perkembangan politik Brunei. Dengan kajian ini nanti dapatlah memanfaatkan sumber-sumber utama yang ditafsirkan dengan lebih terperinci.

Kajian ini juga dapatlah membantu untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai perkembangan politik Brunei di samping menambah khazanah dan koleksi sejarah mengenai hal ehwal Brunei yang masih kurang. Kajian ini juga diharap dapat memberi panduan, penjelasan dan rujukan kepada universiti, pengkaji-pengkaji dan peminat-peminat sejarah untuk membuat kajian yang lebih lanjut dan mendalam di masa yang akan datang.

Setakat ini kajian mengenai sejarah politik Brunei amat kurang dilakukan sama ada di kalangan pengkaji-pengkaji tempatan mahupun luar. Dikalangan pengkaji-pengkaji tempatan, penumpuan kajian banyak ditumpukan pada Sejarah Awal Brunei, Kesultanan Melayu Brunei, Kedatangan dan Penyebaran Islam, Perlembagaan Negeri Brunei dan Peranan British di Brunei. Kajian ini pula lebih banyak menumpukan kepada penghujahan dan tafsiran.

Perkembangan pengkajian mengenai Brunei secara ilmiah belum begitu meluas terutama yang menyentuh mengenai soal-soal politik. Kajian ke atas sejarah perkembangan politik Brunei lebih banyak diusahakan oleh penulis-penulis luar berbanding dengan penulis-penulis tempatan. Penulis awal di kalangan orang-orang tempatan telah dilakukan oleh Awang Matassim bin Haji Jibah di dalam tesisnya yang bertajuk "Political Development In Brunei With Reference To The Reign of Sultan Omar Ali Saifuddien."<sup>1</sup> Kajiannya menumpukan terhadap proses perkembangan politik Brunei di zaman pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III, pada 1950-1967. Awang Mohd. Eussoff Agaki bin Haji Ismail di dalam tesisnya yang bertajuk "Brunei Darussalam: Its Re-Emergence As A Sovereign And Independent Malay-Muslim

---

<sup>1</sup> Matassim Haji Jibah, "Political Development in Brunei With Reference to the Reign of Sultan Omar Ali Saifuddien", M.A Thesis, University of Hull, England, 1983.

Sultanate (1950-1983)<sup>2</sup> menumpukan kajian terhadap perjuangan yang dilakukan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III untuk menghidupkan dan mengukuhkan sistem pemerintahan beraja di Brunei pada 1950 sehingga kemerdekaannya pada awal 1984. Sementara itu, Awang Muhammad Hadi bin Abdullah dalam tesisnya "Sultan Omar Ali Saifuddien III: Peranan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Politik Brunei, 1945-1967"<sup>3</sup> juga telah menumpukan kajian beliau mengkhususkan peranan yang dimainkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin III dalam perkembangan politik di Brunei sejak 1945 hingga 1967. Awang Sabullah bin Haji Hakip pula telah membuat latihan ilmiahnya yang bertajuk "Brunei Menuju Kemerdekaan"<sup>4</sup> telah menggalurkan mengenai perkembangan sejarah Brunei sehingga mencapai kemerdekaan dan kemudiannya membuat kajian mengenai "Sejarah Perkembangan Sosioekonomi Brunei dari tahun 1906-1959"<sup>5</sup>, tesis ini mengkaji perubahan-perubahan yang berlaku ke atas ekonomi Brunei dan pengaruhnya ke atas sejarah dan masyarakat Brunei. Awang Haji Zaini bin Haji Ahmad dalam kajiannya yang bertajuk "Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei: 1939-1962"<sup>6</sup> cuba memaparkan sejarah perkembangan politik Brunei melalui pengalaman yang dilalui oleh beliau.

Di samping penulisan tesis, Pehin Haji Mohd Jamil Umar, telah berjaya menghasilkan sebuah buku pada 1992 yang bertajuk Liku-Liku Perjuangan Pencapaian

---

<sup>2</sup> Eusoff Agaki Haji Ismail, "Brunei Darussalam: Its Re-Emergence As A Sovereign and Independent Malay-Muslim Sultanate (1950-1983)", M.Phil. Thesis, University of Hull, England, 1991.

<sup>3</sup> Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Omar Ali Saifuddien III: Peranan dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Politik Brunei, 1945-1967", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995.

<sup>4</sup> Sabullah Haji Hakip, "Brunei Menuju Kemerdekaan", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1984/85

<sup>5</sup> Sabullah Haji Hakip, "Sejarah Perkembangan Sosioekonomi Brunei dari tahun 1906-1959", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1994.

<sup>6</sup> Zaini Haji Ahmad, "Pertumbuhan Nasionalisma Di Brunei, 1939-1962", Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1983. Tesis ini telah diterbitkan oleh Penerbit Sentosa, Kuala Lumpur, pada 1989.

Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam<sup>7</sup> yang menggalurkan mengenai perjuangan yang dilalui oleh Brunei untuk mencapai kemerdekaan 1984. Kemudiannya diikuti oleh Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip telah berjaya menghasilkan sebuah buku pada 1995 yang bertajuk Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan.<sup>8</sup> Buku ini telah mengkaji secara mendalam mengenai perkembangan politik di Brunei yang menyentuh mengenai dengan Perlembagaan 1959 dan halangan-halangan yang dihadapi oleh Brunei untuk merealisasikan Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Penulis-penulis luar juga telah banyak memberikan sumbangan untuk cuba memberi gambaran ke atas Brunei melalui kajian masing-masing. D.E. Brown dalam tesisnya bertajuk “Socio-Political History of Brunei: A Bornean Malay Sultanate”<sup>9</sup> cuba menggambarkan perubahan struktur sosio-politik Brunei akibat pengaruh barat. L.R. Wright, kajiannya bertajuk “British Policy in the South China Sea Area With Special Reference to Sarawak, Brunei and North Borneo, 1860-1888”<sup>10</sup> telah menumpukan kepada dasar British di ketiga-tiga wilayah Borneo British sebelum ketiga-tiga negeri tersebut menjadi negara perlindungan British. Penulis luar yang banyak memberikan sumbangan ke atas perkembangan politik Brunei ialah D.S. Ranjit Singh, dalam kajian tesisnya yang bertajuk “Brunei: The Problems of Political

---

<sup>7</sup> Haji Mohd Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1992.

<sup>8</sup> Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Haji Hakip, Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

<sup>9</sup> D.E. Brown, “Socio-Political History of Brunei: A Bornean Malay Sultanate”, Ph.D Thesis, Cornell University, Ithaca, 1969.

<sup>10</sup> L.R. Wright, “British Policy In The South China Sea Area With Special Reference to Sarawak, Brunei and North Borneo, 1860-1888”, Ph.D Thesis, University of London, 1963.

Survival, 1839-1963.”<sup>11</sup> Tesis beliau ini kemudiannya telah diterbitkan oleh Oxford University Press, Singapura pada tahun 1984 dan diulang cetak pada tahun 1991. Beliau telah menumpukan kajian terhadap sejarah perkembangan politik Brunei ke atas *survival* politiknya bermula dengan kedatangan James Brooks ke Sarawak sehingga kemerdekaan Brunei awal tahun 1984. Selain daripada itu, beliau juga banyak menyumbangkan beberapa makalah mengenai perkembangan politik Brunei. Antaranya “Brunei and the Malaysia Negotiations”,<sup>12</sup> “Brunei in International Cross-Currents, 1946-1963”,<sup>13</sup> “The Internal Politics of Brunei in the 1950’s and 1960’s”,<sup>14</sup> “Brunei in 1985: Domestics Factors, Political and Economic Externalities”,<sup>15</sup> “Brunei Darussalam in 1987, Coming to Grips With Economic and Political Realities”.<sup>16</sup> Jatswan Singh dalam kajiannya “Sejarah Sosio-Ekonomi Brunei Semasa Residensi British 1906-1959”<sup>17</sup> telah menyentuh mengenai perubahan ekonomi dan sosial di Brunei pada zaman pemerintahan Residen. Zainun Johari dalam kajiannya “Brunei dan Hubungan Luarnya”<sup>18</sup> yang mengkaji berhubung dengan dasar luar Brunei dan hubungannya dengan negara-negara jiran. J.R. Angel dalam kajiannya yang bertajuk “The Proposed Federation of Sarawak, Brunei and North Borneo; The Development

<sup>11</sup> D.S. Ranjit Singh, “Brunei: The Problems of Political Survival, 1839-1963”, M.A Thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976. Tesis ini telah diterbitkan oleh Oxford Universiti Press, Singapore, pada 1984 dan diulang cetak pada 1991.

<sup>12</sup> D.S. Ranjit Singh, “Brunei and the Malaysia Negotiations”, Jurnal Hubungan Antarabangsa, Jilid 3, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975/76.

<sup>13</sup> D.S. Ranjit Singh, “Brunei in International Cross-Current, 1946-1963”, Jurnal Hubungan Antarabangsa, Jilid 2, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974/1975.

<sup>14</sup> D.S. Ranjit Singh, “The Internal Politic of Brunei in 1950’s and 1960’s”, Mohd Amin Hassan & Nik Suhaimi Abd.Rahman (ed.), The Eighth Conference International Association of Historians of Asia, Organising Committee Eighth International Conference (IAHA), Kuala Lumpur, 1980.

<sup>15</sup> D.S. Ranjit Singh, “Brunei in 1985: Domestics Factors, Political and Economic Externalities”, Asian Survey, Vol. XXVI, No. 2, February 1986.

<sup>16</sup> D.S. Ranjit Singh, “Brunei Darussalam in 1987, Coming to Grips with Economic and Political Realities”, Southeast Asian Affairs, Singapore, 1988.

<sup>17</sup> Jatswan Singh, “Sejarah Sosio-Ekonomi Brunei Semasa Residensi British 1906-1959”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988/1989. Thesis ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 1995.

and Decline of the British Borneo Concept”,<sup>19</sup> telah menumpukan kajiannya kepada proses pembentukan Persekutuan Borneo Utara ke atas ketiga-tiga wilayah British Borneo. Mokhtaruddin Lamsin dalam latihan ilmiahnya bertajuk “Pemberontakan Brunei 1962: Asal Usul dan Kesannya”<sup>20</sup> menggalurkan pemberontakan 1962 oleh Parti Rakyat Brunei dan implikasinya. B.A. Hamzah banyak menghasilkan makalah mengenai isu minyak dan politik di Brunei. Antaranya “The Political History of Brunei”<sup>21</sup>, “Oil and Security in Brunei, Oil and Economic Development Issues in Brunei”,<sup>22</sup> “Oil and Independence in Brunei: A Perspective”<sup>23</sup> dan “Brunei Joins ASEAN: Its Expectations”.<sup>24</sup>

Beberapa pengkaji yang juga turut memberikan sumbangan ke atas kajian mengenai Brunei antaranya, J.P. Ongkili dalam bukunya bertajuk The Borneo Response to Malaysia, 1961-1963<sup>25</sup> telah mengkaji tindak balas ketiga-tiga wilayah wilayah Borneo mengenai konsep Malaysia. Muhammad Noor Abdullah di dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Kemasukan Negeri-Negeri Borneo (Sabah dan Sarawak) Ke Dalam Persekutuan Malaysia (Dari Segi Perlembagaan)”.<sup>26</sup> Manakala Mohammad Nordin Sopiee pula menghasilkan sebuah buku bertajuk From Malayan

<sup>18</sup> Zainun Johari, “Brunei dan Hubungan Luarnya”, Tesis Sarjana, Jabatan Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989.

<sup>19</sup> J.R. Angel, “The Proposed Federation of Sarawak, Brunei and North Borneo; The Development and Decline of the British Borneo Concept”, M.A Thesis, University of Sydney, Australia, 1963.

<sup>20</sup> Mokhtaruddin Lamsin, “Pemberontakan Brunei 1962: Asal Usul Dan Kesannya”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986/87.

<sup>21</sup> B.A. Hamzah, “Political History of Brunei”, Contemporary Southeast Asia, Vol. 2, No. 2, ISEAS, 1980.

<sup>22</sup> B.A. Hamzah, “Oil and Economic Development Issues in Brunei”, Research Notes and Discussions Paper No.14, ISEAS, 1980.

<sup>23</sup> B.A. Hamzah, “Oil and Independence in Brunei, A Perspective”, Southeast Asian Affairs, Singapore, 1981.

<sup>24</sup> B.A. Hamzah, “Brunei Joins ASEAN: Its Expectations”, Asia Pacific Community, No. 24, 1984.

<sup>25</sup> J.P. Ongkili, The Borneo Response to Malaysia, 1961-1963, Singapore: Donald More Press, 1967.

<sup>26</sup> Muhammad Noor Abdullah, “Kemasukan Negeri-Negeri Borneo (Sabah dan Sarawak) Ke Dalam Persekutuan Malaysia (Dari Segi Perlembagaan)”, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972.

## Union to Singapore Separation: Political Unification in The Malaysian Region, 1945-

1963<sup>27</sup> telah menyentuh tentang Brunei dan konsep Malaysia.

Untuk memenuhi kajian ini, fakta dan maklumat yang akan digunakan terdiri dari dua sumber iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer yang akan digunakan ialah sumber-sumber baru dari *Public Record Office* di London iaitu *C.O 943/1* dan *2, Brunei: Original Correspondence, C.O. 1022 Southeast Asia Department: Original Correspondence*, dan *CO 1030, Brunei Constitutional Development*

Kajian ini juga akan menggunakan sumber-sumber yang tersimpan di *National Archives* di Washington D.C antaranya *RG 59, 746H.00/4/59 HBS British Borneo, RG 59 746H.00/6-55 HBS, Recent Developments in British Borneo* dan *RG 59, 746H.03/4-158 HBS, Political Development in British Borneo: Transmittal of Memorandum of Conversation*. Selain itu, kajian ini juga akan menggunakan sumber-sumber dari beberapa buah fail *British Residen Office* (BRO) yang tersimpan di *Brunei Archieve* antaranya; *BA/1591/53, State Council Meeting, BA/12887/78 State Council Meeting, BA/12875/78, Local Council Enactment, BA/1158/83, Keputusan Majlis Mesyuarat Daerah, BA/0343/83, District Advisory Council*, dan *BA/12826/78, Formation of Branch Party Rakyat in Brunei*. Kerja-kerja lapangan, sumber rasmi kerajaan, dokumen-dokumen, perjanjian-perjanjian dan surat-surat peribadi orang-orang yang terlibat juga akan digunakan sebagai bahan sokongan. Manakala sumber sekunder pula termasuklah bahan-bahan penerbitan mengenai hasil-hasil kajian atau penyelidikan orang-orang yang terdahulu yang tersimpan di mana-mana perpustakaan

---

<sup>27</sup> Mohammad Nordin Sopiee, From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in The Malaysian Reigon, 1945-1965, Kuala Lunpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974.

terutama di Negara Brunei Darussalam dan tempat-tempat yang mempunyai hubungan. Dalam kajian ini juga penulis banyak menggunakan surat-surat khabar yang diterbitkan di Brunei dan luar Brunei. Pemilihan ini dibuat untuk menjadi pengimbang antara kenyataan kerajaan dengan bukan kerajaan supaya tidak berlaku pertimbangan yang berat sebelah.